Wong Voon Loong lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 42–32 TAHUN 2002
AUGUSTINE PAUL H
2 OKTOBER 2002

Acara Jenayah *— Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Faktor-faktor peringanan — Umur tertuduh — Keseriusan kesalahan — Rekod bersih tertuduh — Kurang pertimbangan oleh hakim mahkamah sesyen — Kanun Keseksaan s 467*

Tertuduh telah dituduh memiliki satu dokumen dengan mengetahui ianya telah dipalsukan iaitu sekeping kad kredit Visa. Kad kredit merupakan satu dokumen berharga seperti yang diperihalkan di bawah s 467 Kanun Keseksaan, dengan niat untuk menggunakan dengan curang sebagai tulen. Selepas merekodkan dapatan salah dan menyabitkan tertuduh, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah mengambilkira faktor-faktor berikut dalam menjatuhkan hukuman: (a) kepentingan awam; (b) kekerapan berlakunya kesalahan serupa; (c) umur tertuduh di bawah 21 tahun; dan (d) pengakuan salah dan rekod bersih tertuduh. Beliau kemudiannya menjatuhkan hukuman penjara 30 bulan. Rayuan ini dibawa oleh tertuduh terhadap hukuman yang dijatuhkan ke atasnya.

Diputuskan:

(1) Umur tidak akan menjadi suatu faktor peringanan hukuman apabila kepentingan awam menuntut suatu hukuman yang berat dijatuhkan atau di mana kesalahan yang dilakukan adalah serius. Namum begitu, keseriusan kesalahan perlu dipertimbangkan dengan keuntungan yang telah diperolehi oleh tertuduh dari kesalahan yang dilakukan dalam menentukan tahap kebersalahan. Memperolehi keuntungan yang tidak seberapa dari kesalahan yang telah dilakukan membolehkan fakta tersebut menyebelahi tertuduh. Pertuduhan dalam kes ini hanya melibatkan perkara yang bernilai RM110 sahaja. Keseriusan kesalahan yang dilakukan dengan itu telah diperlemahkan oleh jumlah yang terlibat. Ini telah tidak diberi pertimbangan sewajarnya oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana (lihat ms 689C–F).

(2) Laporan akhlak tertuduh yang memihaknya juga telah tidak diberi pertimbangan sewajarnya oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana. Memanggil laporan sedemikian tetapi tidak mempertimbangkannya adalah sesuatu usaha yang sia-sia. Faktor-faktor ini mewajarkan mahkamah ini mengganggu hukuman yang telah dijatuhkan. Kaedah umum berkenaan penghukuman seseorang pesalah muda oleh itu perlu dilaksanakan dalam kes ini (lihat ms 689F–G).

(3) Prinsip umum berkenaan penghukuman pesalah muda terpakai dalam kes ini. Semasa pendengaran rayuan ini tertuduh telah pun menjalani hukuman penjara hampir dua bulan. Fakta ini mesti

dipertimbangkan dalam menjatuhkan hukuman. Mahkamah dengan ini mengurangkan hukuman penjara kepada tiga bulan (lihat ms 690B).

[English summary

The accused was charged with knowingly being in possession of a forged Visa credit card, a valuable document under s 467 of the Penal Code, with the intention of dishonestly using the same as genuine. Upon recording the finding of guilt and conviction, the learned sessions court judge took into account the following factors in sentencing: (a) the public interest; (b) prevalence of similar offences; (c) the age of the accused was below 21 years; and (d) the plea of guilt and clean record of the accused. He then sentenced the accused to 30 months in prison. This appeal by the accused was against the sentence only.

Held:

(1) Age is not a mitigating factor where the public interest demands a heavy sentence or where the offence committed is serious. However, the seriousness of the offence must be weighed against the guilt of the accused in terms of the gain to the accused from the offence. Obtaining an inconsequential gain from the offence committed was a factor in favour of the accused. The charge in this case involved some RM110 only. The seriousness of the offence committed had been weakened by the amount involved. This was not properly considered by the learned sessions court judge (see p 689C–F).

(2) The probation report in favour of the accused was also not properly considered by the sessions court judge. Calling for such a report but not considering it is an exercise in futility. These factors made it appropriate for this court to reconsider the sentence imposed The general rules on sentencing a young accused person need to be exercised in this case (see p 689F–G).

(3) The general principles on sentencing a young accused person apply in this case. At the time of the hearing of the appeal, the accused had already served almost two months of his sentence. This factor must be weighed in imposing sentence. The court hereby reduced the sentence to three months (see p 690B).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap hukuman, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) paras 154–156.

Kes-kes yang dirujuk

Abu Bakar bin Alif v R [1953] MLJ 19 (refd)

A *Chang Cheng Hoe & Ors, Re* [1966] 2 MLJ 252 (refd)
Gabriel v PP [1992] 1 MLJ 593 (refd)
New Tuck Shen v PP [1982] 1 MLJ 27 (refd)
Pan Bok Yeng v PP [1972] 1 MLJ 214 (refd)
Philip Lau Chee Heng v PP [1988] 3 MLJ 107 (refd)
B *PP v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315 (refd)
PP v Saiful Afikin bin Mohd Firus [1996] 4 MLJ 30 (refd)
PP v Teh Ah Cheng [1976] 2 MLJ 186 (refd)
PP v Yap Huat Heng [1985] 2 MLJ 414 (refd)
R v Leo De Cruz [1935] MLJ 1 (refd)
R v Teo Cheng Lian [1949] MLJ 170 (refd)
C *Teo Siew Peng & Ors v PP* [1985] 2 MLJ 125 (refd)
Tukiran bin Taib v PP [1955] MLJ 24 (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Acara Jenayah ss 173(m)(ii), 294

D

How Boon Seng (*Sazali Sulaiman & Assoc*) bagi pihak perayu.
Ahmad bin Bache (*Timbalan Pendakwa Raya*) bagi pihak responden.

Augustine Paul J: Dalam kes ini, tertuduh menghadapi pertuduhan seperti berikut:

E

> Bahawa kamu pada 27 Januari 2001 jam lebih kurang 5.30 petang di Pasaraya Jaya Jusco, Mid Valley Megamall, Jalan Bangsar, di dalam Daerah Brickfields, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur didapati di dalam milik kamu satu dokumen dengan mengetahui ianya telah dipalsukan iaitu sekeping kad kredit Visa Citibank bernombor 4532 2244 4034 3544 yang merupakan satu dokumen berharga seperti yang diperihalkan di bawah s 467 Kanun
F Keseksaan, dengan niat untuk menggunakan dengan curang sebagai tulen, dan dengan yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 474 Kanun Keseksaan.

Setelah pertuduhan dibaca dan diterangkan, tertuduh telah membuat pengakuan bersalah. Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana berpuashati
G yang tertuduh faham akan sifat dan akibat pengakuan bersalah. Fakta ringkas kes seperti yang dikemukakan oleh pihak pendakwa menunjukkan bahawa pada 27 Januari 2001 jam lebih kurang 5.30 petang semasa pengadu dalam kes ini sedang bertugas di kaunter bayaran Pasaraya Jaya Jusco Mid Valley Megamall, beliau telah didatangi oleh tertuduh dan seorang perempuan berbangsa Cina. Tertuduh ingin membeli satu
H barangan jenama Clinique berharga RM110. Semasa membuat pembayaran tertuduh telah mengeluarkan sekeping kad kredit Citibank Visa No 4532 2244 4034 3544 ('eksh P1') atas nama Peter Chua. Apabila pengadu menerima eksh P1, beliau mendapati sesuatu yang mencurigakan pada kad kredit tersebut. Seterusnya pengadu telah merujuk eksh P1 kepada penyelianya yang kemudian membuat semakan dengan Pusat Kad
I Kredit Visa. Disahkan eksh P1 adalah palsu. Pada masa yang sama, tertuduh telah cuba melarikan diri tetapi berjaya ditangkap oleh pihak keselamatan pasaraya. Siasatan telah dijalankan oleh pihak polis dan

seorang En Chan Chee Kong, pegawai dari Citibank Bhd telah mengesahkan eksh P1 bukan dikeluarkan oleh majikannya. Nombor yang tertera di atas eksh P1 sebenarnya dikeluarkan oleh Servizi Inter Bancari SPA Italy.

Memandangkan tertuduh berumur kurang dari 21 tahun, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah memanggil untuk dikemukakan laporan akhlak. Laporan ini memihak kepada tertuduh dan tiada apa-apa yang menunjukkan tertuduh sebelum ini terlibat dalam apa-apa kegiatan jenayah atau seorang yang tidak terkawal. Laporan ini memperlihatkan tertuduh sebagai anak yang bertanggungjawab sehinggakan sanggup menolong kedua ibubapanya berniaga pasar malam walaupun tidak diberi upah sewajarnya dan hanya menerima sekadar sedikit habuan untuk belanja. Dinyatakan juga dalam laporan bahawa tertuduh menyesali perbuatannya dan merasa amat malu. Ibubapa tertuduh mengharapkan suatu hukuman yang ringan dikenakan.

Di dalam rayuannya di hadapan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana sebelum hukuman dijatuhkan, tertuduh mengemukakan hujahan-hujahan berikut; iaitu pada masa kesalahan dilakukan, beliau berumur 19 tahun satu bulan; beliau merupakan anak bongsu dalam keluarga di mana ibubapa berniaga di pasar malam dengan pendapatan bulanan sebanyak RM1,600; beliau tidak melibatkan diri dengan ahli mana-mana sindiket; kesalahan dilakukan berhampiran dengan tarikh perayaan Tahun Baru Cina dan eksh P1 digunakan untuk membeli hadiah kepada teman wanitanya sempena perayaan tersebut; harga barangan yang terlibat hanya sekadar RM110; transaksi pembelian tidak sempurna memandangkan beliau telah tertangkap, oleh itu tiada kerugian kekal kepada mana-mana pihak; dan beliau menyesali perbuatannya.

Selepas merekodkan dapatan salah dan menyabitkan tertuduh, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah mengambilkira faktor-faktor berikut dalam menjatuhkan hukuman:

(1) kepentingan awam yang perlu dizahirkan berdasarkan peruntukan hukuman yang termaktub dalam undang-undang di mana dalam kes ini hukuman penjara adalah mandatori;

(2) kekerapan berlakunya kesalahan serupa yang boleh merugikan ekonomi negara;

(3) suatu perintah di bawah s 294 Kanun Acara Jenayah bukanlah perintah yang sesuai memandangkan kepada hal keadaan kes ini;

(4) walaupun umur tertuduh di bawah 21 tahun, ianya tidak dapat dipertimbangkan memandangkan kesalahan yang dilakukan adalah serius;

(5) pengakuan salah dan rekod bersih tertuduh hanya boleh dipertimbangkan untuk menentukan tempoh hukuman penjara.

Akhirnya, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana memutuskan hukuman penjara bagi kesalahan seperti yang dilakukan perayu perlulah bersifat pencegahan untuk menimbulkan rasa gerun bagi mengelak ianya terus

A dilakukan. Oleh itu, beliau menjatuhkan hukuman penjara 30 bulan. Rayuan ini dibawa oleh tertuduh terhadap hukuman yang dijatuhkan ke atasnya.

Di mahkamah ini, semasa pendengaran rayuan, tertuduh mengutarakan faktor-faktor yang sama seperti di mahkamah bawahan
B dalam memujuk supaya hukuman yang telah dijatuhkan diubah. Cuma ditambah bahawa tertuduh telah insaf dan berhajat untuk berkahwin dengan teman wanitanya dalam masa terdekat ini. Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana dalam menentang rayuan ini menghujahkan bahawa kesalahan yang dilakukan adalah serius dan penggunaan kad kredit yang dipalsukan dewasa ini semakin memuncak. Alasan-alasan rayuan tertuduh
C seperti yang terkandung dalam petisyen rayuannya dan juga hujahan peguam tertuduh menjurus kepada persoalan-persoalan:

(1) sama ada hakim mahkamah sesyen telah memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada faktor-faktor rayuan peringanan hukuman yang diutarakan oleh tertuduh; dan

D (2) sama ada penolakan faktor-faktor rayuan peringanan hukuman oleh hakim mahkamah sesyen berasas dan wajar di sisi undang-undang.

Peruntukan undang-undang yang relevan dalam menjatuhkan hukuman bagi mahkamah bawahan adalah s 173(m)(2) Kanun Acara Jenayah yang berbunyi seperti berikut:
E

> If the Court finds the accused guilty or if a plea of guilty has been recorded and accepted the Court shall pass sentence according to law.

Prasa 'shall pass sentence according to law' dalam seksyen kecil tersebut bermaksud bahawa hukuman yang dijatuhkan tidak hanya berada dalam
F ruang lingkup peruntukan hukuman sesuatu kesalahan tetapi mestilah juga dipertimbangkan dan diasaskan kepada prinsip-prinsip mantap kehakiman dalam proses penghukuman (lihat *Re Chang Cheng Hoe & Ors* [1966] 2 MLJ 252; *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315 dan *Philip Lau Chee Heng v Public Prosecutor* [1988] 3 MLJ 107). Hak untuk menentukan jumlah hukuman ke atas pihak yang didapati bersalah
G sepenuhnya terletak di atas budibicara mahkamah yang membicarakan kes. Budibicara mahkamah itu dalam memilih hukuman yang sesuai mestilah dijalankan selaras dengan prinsip-prinsip undang-undang dan tidak boleh diganggu-gugat oleh pihak pendakwaan mahupun pembelaan (lihat *New Tuck Shen v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 27).

H Prinsip-prinsip berkenaan fungsi mahkamah yang mendengar rayuan terhadap hukuman telah mantap. Dalam kes *R v Leo De Cruz* [1935] MLJ 1, Huggard HB pada mukasurat yang sama memutuskan:

> In regard to appeals against sentence it has been laid down that the court will not interfere with the sentence, unless the judge has proceeded on wrong principles or given undue weight to some of the evidence.
I

Dalam kes *R v Teo Cheng Lian* [1949] MLJ 170, Gordon-Smith H pula berkata demikian ini pada ms 171:

> There must be a manifest error either in law or in considering the fact and circumstances of the case or an omission to consider such facts and circumstances, before the higher court interferes with the discretion undoubtedly vested in the lower court.

Jika sesuatu hukuman yang dijatuhkan itu terlampau berat atau amat tidak mencukupi di mana ianya memperlihatkan kegagalan mematuhi prinsip-prinsip penghukuman yang betul, campurtangan mahkamah yang mendengar rayuan adalah patut dan berasas (lihat *Abu Bakar bin Alif v R* [1953] MLJ 19).

Sekarang saya akan menimbangkan sama ada hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana menepati prinsip-prinsip yang termaktub. Beliau telah dengan betulnya mengambilkira pengakuan salah dan rekod bersih serta umur tertuduh. Namun, memandang akan kesalahan yang dilakukan itu adalah serius, maka beliau memutuskan faktor-faktor peringanan berasaskan pengakuan salah dan rekod bersih serta umur tertuduh hanya dipertimbangkan bagi pengurangan tempoh hukuman penjara yang perlu dilalui. Beliau tidak menimbang sama ada tertuduh wajar dihukum penjara memandangkan umur serta rekod bersihnya. Ini amat penting kerana laporan akhlak yang dikemukakan juga memihak kepada tertuduh. Adalah menjadi prinsip yang diterimapakai bahawa dalam menjatuhkan hukuman seseorang pesalah muda seboleh mungkin tidak dihantar ke penjara. Dalam kes *Tukiran bin Taib v Public Prosecutor* [1955] MLJ 24, Bellamy H semasa memutuskan satu kes melibatkan pesalah muda yang dituduh melakukan kesalahan mencuri yang kerap berlaku pada ms 25 berkata:

> As regards sentence, in my view this was as bad and as bold a case of stealing produce as any that has been brought to the notice of this court in recent times. Thefts of coconuts from plantations in this particular district, and elsewhere, in this state are reported to be widespread, to be on the increase, and to be causing grave concern to estate owners and to the authorities. Everybody knows how difficult it is to catch the thieves, and there can be not the smallest room for doubt that this evil must be stamped out and, if it is necessary, by heavy prison sentences. In the circumstances of this case, I do not consider a sentence of four months' imprisonment to be in the least bit excessive and, if the accused was over 21 years old, I would not interfere with this sentence.
>
> However, as I stated earlier, the accused is at most 18 years old — he is said to look very much younger — and he is furthermore a first offender. It has been stressed by this court that it is very desirable that young offenders, that is, offenders between the ages of 17 and 21 years, who are also first offenders, should be kept out of prison, if possible. The magistrate does not appear to have taken this into consideration at all.

Nik Hashim H dalam kes *Public Prosecutor v Saiful Afikin bin Mohd Firus* [1996] 4 MLJ 309 berhadapan dengan rayuan terhadap hukuman yang seorang pesalah muda yang berusia 19 tahun lapan bulan yang melakukan satu kesalahan di bawah s 304 Kanun Keseksaan, suatu kesalahan yang dianggap serius di sisi undang-undang. Pada ms 314–315, beliau berkata:

A There can be not the smallest room for doubt that this offence is very serious indeed and the offender should be seriously dealt with. A valuable life was sacrificed at the hand of the offender. If not for his age, I would not hesitate to send him to imprisonment. In the circumstances of this case, I do not consider that a sentence of imprisonment is appropriate and called for. Bellamy J in *Tukiran bin Taib v PP* [1955] MLJ 24 at p 25 said:

B 'It has been stressed by this court that it is very desirable that young offenders, that is, offenders between the ages of 17 and 21 years, who are also first offenders, should be kept out of prison, if possible ... I consider that it would be more beneficial to the accused, and in the long run to the community at large, to send him to an advanced approved school rather than to prison ... '

C Though *Tukiran*'s case was decided 41 years ago, I consider it is still good law, and I would adopt the same approach in deciding the case under appeal.

Saya sedar bahawa umur tidak akan menjadi suatu faktor peringanan hukuman apabila kepentingan awam menuntut suatu hukuman yang berat D dijatuhkan atau di mana kesalahan yang dilakukan adalah serius (lihat *Pan Bok Yeng v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 214; *Public Prosecutor v Teh Ah Cheng* [1976] 2 MLJ 186; *Public Prosecutor v Yap Huat Heng* [1985] 2 MLJ 414). Namun begitu, keseriusan kesalahan perlu dipertimbangkan dengan keuntungan yang telah diperolehi oleh tertuduh dari kesalahan yang dilakukan dalam menentukan tahap kebersalahan. Memperolehi E keuntungan yang tidak seberapa dari kesalahan yang telah dilakukan membolehkan fakta tersebut menyebelahi tertuduh. Dalam kes *Gabriel v Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 593, hukuman yang dikenakan terhadap tertuduh dalam kes tersebut telah dikurangkan memandangkan hasil kecurian berjaya ditemui semula dan tertuduh tidak mendapat sebarang keuntungan kewangan dari kesalahan yang dilakukan. Pertuduhan dalam F kes ini hanya melibatkan perkara yang bernilai RM110 sahaja. Keseriusan kesalahan yang dilakukan dengan itu telah diperlemahkan oleh jumlah yang terlibat. Ini telah tidak diberi pertimbangan sewajarnya oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana. Laporan akhlak tertuduh yang memihaknya juga telah tidak diberi pertimbangan sewajarnya oleh hakim G mahkamah sesyen yang bijaksana. Memanggil laporan sedemikian tetapi tidak mempertimbangkannya adalah sesuatu usaha yang sia-sia. Faktor-faktor ini mewajarkan mahkamah ini mengganggu hukuman yang telah dijatuhkan. Kaedah umum berkenaan penghukuman seseorang pesalah muda oleh itu perlu dilaksanakan dalam kes ini.

H Dalam menentukan hukuman sepadan yang wajar dijatuhkan faktor-faktor peringanan hukuman tertuduh telah saya neracai dengan latar belakang elemen kepentingan awam yang perlu dilunaskan. Adalah amat bersesuaian di peringkat ini untuk merujuk kepada pemerhatian yang dibuat oleh Tan Chiaw Thong H dalam kes *Teo Siew Peng & Ors v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 125 di ms 129:

I In the *Principles of Sentencing* by Thomas (1st Ed), quoting from the judgment in the case of *R v Smith* (1964) Crim LR 70 that publication at page 19 thereof states:

'In the case of a young offender there can hardly ever be any conflict between the public interest and that of the offender. The public have no greater interest than that he should become a good citizen. The difficult task of the court is to determine what treatment gives the best chance of realizing that object. That realization is the first and by far the most important consideration.'

Saya berpandangan prinsip umum berkenaan penghukuman pesalah muda terpakai dalam kes ini. Semasa pendengaran rayuan ini, tertuduh telahpun menjalani hukuman penjara hampir dua bulan. Fakta ini mesti dipertimbangkan dalam menjatuhkan hukuman. Saya dengan ini mengurang hukuman penjara kepada tiga bulan. Cukuplah hukuman yang telah dijalankan itu menjadi pengajaran berguna buat tertuduh. Adalah diharapkan dengan dipendekkan hukuman tertuduh dapat memulakan kehidupan baru. Apalagi teman wanita tertuduh menantinya untuk perkahwinan mereka dan persiapan telah dibuat ke arah matlamat tersebut.

Hukuman sewajarnya dijatuhkan.

Dilaporkan oleh Peter Ling